

(A) OP-ED

OP-ED #1

MEMBINA BANGSA MALAYSIA YANG MANDIRI

Oleh: Faisal Aziz

Gagasan Komunitarianisme

Semasa berpartisipasi dalam forum ‘Negara Dalam Krisis, Apakah Solusi Terbaik?’ pada 18 Julai yang lalu, saya telah menyatakan sokongan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) terhadap gerakan *komunitarianisme* sebagai usaha mengurangkan kebergantungan kuasa golongan politik dalam negara ini.

Presidennya, Muhammad Faisal Abdul Aziz berkata, Saya berpandangan seperti ini menggalakkan masyarakat mandiri dalam menguruskan hal ehwal mereka di samping menyandar pergantungan sepenuhnya pada kuasa eksekutif elit sedia ada.

Dalam erti kata lain, menerusi gerakan *komunitarianisme* ini, kita mempersiapkan masyarakat dengan mentaliti berdikari, mandiri, dan tidak lagi bergantung kepada elit politik.

Semasa forum tersebut saya menyatakan bahawa masyarakat perlu mengubah pemikiran mereka yang begitu selesa dengan sistem politik negara berasaskan amalan feodal.

Saya berpandangan selagi mana kita masih dibelenggu kebergantungan sepenuhnya pada elit politik, selagi itu kita selesa dengan apa jua keadaan kita hadapi sehingga ia mengakibatkan kita gagal melakukan sebarang perubahan.

Kemerosotan Sistem Politik

Sebelum Covid-19, situasi tenat negara yang kita alami kini, kita disajikan dengan teori-teori tentang kelumpuhan kepercayaan rakyat kepada pemerintahan secara beransur-ansur. Pelbagai istilah yang kita dengar seperti “*the era of government knows best is over*” dan “*Decentralization of Power*”.

Tapi hari ini kita telah melihat sendiri kebenaran di sebalik teori-teori ini, lantaran malapetaka Covid-19 yang sedang melanda di samping dengan kemajuan teknologi yang menggugat (*disrupt*) sistem sedia ada.

Adalah satu perkara menarik apabila kita kembali menelaah dua buku penting iaitu *Political Order and Political Decay: From the Industrial Revolution to the Globalization of Democracy* (Francis Fukuyama) dan *The End of Power* oleh Moises Naim.

Francis Fukuyama dalam karyanya menyebut dunia hari ini sedang mengalami kemerosotan politik (*political decay*) yang bercirikan dua elemen penting iaitu ketegaran institusi (*institutional rigidity*) dan penguasaan kelompok elit dalam aspek kepimpinan (*capture of the state by elites*).

Di negara-negara maju menurut beliau, tiga elemen tonggak yang mendukung dan menentukan kejayaan demokrasi dalam tatacara negara moden, iaitu kerajaan, kedaulatan undang-undang dan akauntabiliti menjadi semakin kuat. Manakala integriti ketiga-tiga elemen tersebut terus merosot di negara-negara membangun.

Kita lihat contoh di Malaysia sebagai dunia ketiga, demokrasi kini semakin merudum di mana tidak lama dahulu darurat telah dilaksanakan di samping institusi parlimen digantung sehingga menjejaskan elemen akauntabiliti yang telah dimaktubkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Situasi ini menunjukkan bahawa ciri-ciri *political decay* telah wujud dalam politik Malaysia. Situasi ini berlaku menurut kerana kerajaan di dunia ketiga seperti Malaysia cuba untuk jadi relevan dengan cara lama tetapi gagal menilai apa masalah sebenar yang perlu di atasi.

Institusi asasi yang sepatutnya mewakili suara dan kepentingan rakyat dalam sistem demokrasi sebaliknya lebih cenderung mewakili suara dan menjaga kepentingan sekelompok elit penguasa yang rakus memanipulasi institusi pseudo-demokratik untuk kepentingan sendiri.

Tiga Bentuk Revolusi Baharu

Moises Naim pula telah menggariskan tiga bentuk revolusi baharu yang menyebabkan organ pemerintah semakin tidak relevan.

Pertama adalah "*More Revolution*" iaitu percambahan (*proliferation*) rakyat khusus daripada segi informasi, kewangan dan sebagainya yang menjadi satu mekanisme pemberdayaan secara tidak langsung.

Ia membawa kepada revolusi kedua "*Mobility Revolution*" – iaitu kapasiti untuk rakyat berubah sendiri atau meninggalkan sesuatu situasi yang tidak dimahukan.

Ketiga adalah "*Mentality Revolution*" yang menggalakkan rakyat untuk mempersoal ketepatan sumber-sumber daripada pihak berkuasa.

Moises Naim berhujah bahawa ketiga-tiga revolusi ini mampu menjana kekuatan untuk menjatuhkan mereka yang berkuasa.

Berbalik kepada situasi genting negara hari ini, satu nafas baharu harus digerakkan dengan kesedaran bahawa sudah tiba masanya untuk rakyat mandiri, dengan merintis jalan keluar daripada kesengsaraan yang dihadapi akibat daripada sektor ekonomi dan kesihatan yang lumpuh.

Ditambah dengan sistem politik yang dilihat lumpuh dengan krisis menghalang mekanisme semak dan imbang daripada berfungsi dengan efektif, ia harus membuka mata kita untuk mengurangkan pergantungan rakyat kepada elit politik dari kelompok eksekutif.

Maka bergemalah istilah Rakyat Jaga Rakyat, Rakyat Pimpin Rakyat, Bendera Putih, sebagai bukti betapa rakyat telah hilang kepercayaan kepada golongan pemerintah.

Memberdaya Masyarakat Mandiri

Pelbagai NGO telah menyediakan pelbagai inisiatif memberdaya rakyat dan dalam masa sama mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat.

Memetik contoh projek Zak ABIM Bangsa Malaysia Covid Relief Fund bantuan pinjaman mikro kredit tanpa faedah.

Projek Mikro Kredit ini inisiatif bersama ABIM dan Dato' Seri Nazir Razak telah menerima sebanyak 100 permohonan yang dibuka kepada semua latar belakang etnik dari seluruh pelosok negara.

Alhamdulillah baru-baru ini projek Zak ABIM Bangsa Malaysia Covid Relief Fund telah selesai menyampaikan taklimat bersama pemohon pinjaman pembiayaan mikro yang diluluskan untuk kumpulan pertama.

Ini merupakan usaha kecil ABIM bersama Zak Capital pimpinan Dato' Seri Nazir Razak dan ADAB Youth Garage - AYG untuk memberdaya rakyat tanpa mengira kaum atas semangat Bangsa Malaysia.

Bagi pihak ABIM saya mendoakan agar semua pemohon berjaya dalam perniagaan masing-masing sebagai jalan keluar daripada kesempitan ekonomi yang dihadapi. Untuk jangka masa panjang, harapan besar kami agar pemohon juga dapat membantu memberdaya rakyat Malaysia yang lain insya Allah.

Bergerak ke hadapan, sebagai langkah lebih besar, selain daripada projek bantuan dan pemberdayaan yang NGO sediakan, sudah tiba masanya untuk seluruh pemegang taruh yang mewakili kepentingan masyarakat untuk menyediakan perancangan jangka panjang untuk dasar kesihatan dan ekonomi untuk memastikan pelaksanaannya kelak benar-benar berorientasikan rakyat.

Maka, menyedari hakikat ini, atas semangat bangsa Malaysia gabungan NGO-NGO yang mewakili rakyat (dengan input dari pakar dalam bidang kesihatan dan ekonomi) telah mengemukakan Tuntutan Pelan Bertindak Rakyat (TINDAK!) sebagai cadangan menyeluruh untuk menyelamatkan rakyat dan negara.

Ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif yang diusahakan rakyat untuk sama-sama kembali mengangkat martabat dan maruah Bangsa Malaysia. Dato' Dr Siddiq Fadzil pernah menukilkan dalam Buku Islam & Melayu : Martabat Umat dan Daulat Rakyat.

"Bangsa yang mulia dan bermartabat dibangun dengan kesedaran tentang maruah yang dicirikan oleh sifat al-haya' - tahu malu atau sense of shame, malu melakukan perbuatan keji, malu menjadi rakyat negara yang mundur, malu menganggotai organisasi yang korup dan seterusnya. Daripada sifat tahu malu itulah bangkitnya semangat juang untuk berubah, dan menebus maruah yang tercemar."

Penulis adalah Presiden, Angkatan Belia Islam Malaysia.

OP-ED #2

GENERASI MUDA BANGSA MALAYSIA SESUDAH 31 OGOS 2021

Firdaus Hamsin

Erti Bangsa Yang Berdaulat

Mulai tanggal 31 Ogos yang lalu, usia kemerdekaan negara kita sudah pun menganjak ke angka 64 tahun. Tidak seperti tahun-tahun lalu, sambutan hari kebangsaan tidak dapat diraikan seperti biasa kerana kekangan pandemik Covid-19.

Walaupun apa pun keadaan yang berlaku, tanggal 31 Ogos sentiasa akan diabadikan sebagai detik lahirnya sebuah negara yang berdaulat dan untuk mencorakkan hala tujunya yang tersendiri, sepertimana yang dinyatakan dalam teks pemasyhuran kemerdekaan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman:

“.... sebuah negara yang merdeka dan berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa menjaga dan mengutamakan kesejahteraan dan kesentosaan rakyatnya dan mengekalkan keamanan antara segala bangsa”.

Sesungguhnya sambutan hari kebangsaan tidak seharusnya dikenang semata-mata pada meningkatnya usia kemerdekaan negara. Kemerdekaan ini perlu dihargai kerana ia tanda kemandirian kita tanpa dicengkam dengan anasir penjajahan.

Tanggal 31 Ogos tidak seharusnya dibiarkan berlalu dengan sia-sia sesudah tarikh berganti kerana peredaran masa.

Ulang tahun kemerdekaan negara ini tidak seharusnya terhad dalam konotasi apresiasi terhadap segala usaha serta pengorbanan generasi terdahulu, yang kita akui telah meninggalkan catatan baktinya berupa pencapaian untuk memajukan negara ini.

Hakikatnya jasa mereka perlu dipahat dalam ingatan generasi akan datang kerana cabaran untuk mengisi kemerdekaan ini tidak mudah. Generasi terdahulu terpaksa melalui cabaran serta pengalaman pahit yang tidak kurang getirnya.

Tambahan pula banyak negara yang mencapai kemerdekaan pada masa yang sama gagal memaknai kemerdekaan tersebut dengan pembangunan dan kemajuan. Atas sebab itu generasi kini serta akan datang tidak seharu leka dengan nostalgia indah yang dicipta daripada perjuangan generasi terdahulu.

Perkukuh Jati Diri Hadapi Perubahan

Ketamadunan yang dicorakkan manusia sering berkembang dari semasa ke semasa. Perubahan dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi serta sains dan teknologi akan bergerak seiring dengan perkembangan tersebut.

Kegagalan negara untuk bergerak seiring dengan perkembangan zaman akan mengakibatkan ia ditinggalkan jauh oleh negara-negara lain. Para ilmuwan tersohor seperti Ibnu Khaldun dan Malik Bennabi telah mengingatkan bahawa kelekaan terhadap kemewahan serta kejayaan silam merupakan antara punca kejatuhan peradaban-peradaban terdahulu.

Justeru detik 31 Ogos seharusnya menjadi peringatan penting buat generasi muda betapa besarnya tanggungjawab yang menanti mereka pada masa akan datang. Detik serta usia muda perlu dimaknai sebaik mungkin untuk memperkukuhkan watak serta jati diri mereka.

Generasi muda pada masa kini serta akan datang perlu mengukuhkan budaya ilmu sebagai garis-garis besar ke arah mengembangkan potensi intelektual, kerohanian, emosi dan fizikal mereka.

Pengukuhan asas keilmuan penting untuk membentuk generasi muda yang berakhlak mulia, bertanggungjawab serta kreatif dan mempunyai daya juang yang tinggi. Dengan asas tersebut, Malaysia mampu menghadapi perubahan geopolitik dan sosioekonomi yang semakin rencam dari semasa ke semasa.

Bangsa Malaysia Model Kenegaraan Sejagat

Berlaluinya 31 Ogos seharusnya juga seharusnya menyegarkan semangat kebersamaan kita yang dijalinan menerusi ikatan bangsa Malaysia.

Iktibar yang berlaku di dunia barat beberapa tahun perlu dipandang serius. Kerana akur dengan desakan populisme dalam kalangan rakyatnya, kerajaan Britain telah mengejutkan dunia kerana membuat keputusan untuk meninggalkan Kesatuan Eropah (*European Union*).

Walaupun majoriti rakyat Amerika Syarikat telah menolak kepimpinan Donald Trump menerusi pilihan raya, namun ia tidak dapat memadamkan sentimen populisme dalam penyokong beliau sehingga menyaksikan mereka merempuh masuk ke dalam bangunan *Capitol Hill* yang merupakan antara simbol penting di negara tersebut.

Walaupun ada yang cuba meromantiskan sentimen populisme sebagai perjuangan rakyat secara massa menentang kelompok elit tertentu, hakikatnya di Amerika Syarikat serta Britain disemarakkan dengan Xenofobia, iaitu ketakutan terhadap individu ataupun komuniti yang berbeza.

Situasi ini perlu dipandang serius kerana sentimen seperti ia telah menzahirkan rupanya dalam bentuk keganasan. Apatah lagi setelah sekian lama dunia barat mendabik dada bahawa model kenegaraan dan kemasyarakatan yang diamalkan adalah sempurna dan perlu diikuti.

Ini secara jelas menunjukkan persoalan pembinaan bangsa di negara ini masih relevan dalam wacana kenegaraan kita sehingga hari ini.

Ini kerana pembinaan bangsa berkait rapat dengan proses mengenal identiti diri. Francis Fukuyama mengatakan identiti merupakan satu perkara yang lumrah kerana ia asas utama jati diri seseorang individu serta keberadaannya dalam kelompok tertentu.

Akan tetapi beliau juga mengatakan bahawa identiti boleh dipolitikkan atas justifikasi mendapatkan pengiktirafan untuk kelompok tertentu. Jika pengiktirafan ini dituntut secara ekstrem ia telah terbukti telah mencetuskan perpecahan sepertimana yang berlaku di dunia barat pada ketika ini.

Kekalutan jelas menunjukkan wacana ini memerlukan autoriti kepimpinan intelektual yang lebih jelas. Oleh itu gagasan Bangsa Malaysia harus dipenuhi potensinya untuk diketengahkan menjadi model kenegaraan sejagat.

Ini adalah kerana fenomena kemajmukan antara kaum di negara ini perlu dimanfaatkan sebagai kekuatan untuk mencorakkan masa depan peradaban manusia. Justeru Malaysia mempunyai autoriti untuk mengupas persoalan pembinaan bangsa dengan lebih tuntas.

Asas kepada pembinaan bangsa Malaysia bermula daripada berkongsi semangat kebangsaan yang sama. Pemikir ulung dari Indonesia, Allahyarham Muhammad Natsir, mengusulkan agar semangat kebangsaan diertikan sebagai penyatuan terhadap aspirasi, hasrat dan tujuan yang menggerakkan kita ke arah yang serupa.

Tokoh Maal Hijrah 2018, Allahyarham Dato' Dr Siddiq Fadzil, pula mengatakan bahawa proses pembinaan bangsa Malaysia harus berasaskan formula kepelbagaian dalam kesatuan.

Kepelbagaian kaum, agama dan budaya menurutnya merupakan aset dalam bentuk kekuatan, kekayaan, kreativiti dan dinamika kemajuan.

Pembinaan bangsa tidak harus dibuat berdasarkan formula kawah besar peleburan ataupun *melting pots*. Jati diri pada setiap kelompok perlu ditempatkan dalam kerangka bingkai kesatuan yang sama.

Generasi Muda Bangsa Malaysia

Pada 21 Mac yang lalu, Hari Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Perkauman telah mengangkat "Generasi Muda Bangkit Menangani Perkauman" (*Youth standing up against racism*).

Pemilihan tema ini betapa pentingnya tanggungjawab yang perlu dipenuhi generasi muda untuk mencorak peradaban yang lebih baik pada masa akan datang.

Sebagai permulaan untuk melangkah ke hadapan, generasi muda perlu menginsafi bahawa pembinaan bangsa Malaysia mempunyai sejarahnya tersendiri yang perlu digali untuk dicerna.

Pemahaman terhadap sejarah dan mendalami latar belakang bangsa perlu diwujudkan bagi menyegarkan kembali nilai hidup bersama dalam budaya damai.

Bangsa Malaysia perlu terus relevan sebagai bangsa yang ramah dan inklusif, berasaskan nilai-nilai murni sejagat serta dibantu dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan.

Asas pembinaan Bangsa Malaysia memerlukan reformasi intelektual untuk menyemarakkan kefahaman mengenai negara bangsa, dengan menyedari tanggungjawab serta peranan untuk menyebarkan kebaikan dengan hikmah, bercitra kosmopolitan.

Reformasi ini memerlukan pengukuhan aspek idealisme, dan aktivisme, yang berorientasikan nilai dan etika.

Sebaliknya Bangsa Malaysia mampu menjadi model kenegaraan contoh dengan mencetuskan perubahan secara inklusif terhadap permasalahan-permasalahan yang dihadapi peradaban sejagat.

Maka sebab itu, proses pemupukan dan kesatuan nilai berasaskan citra bangsa yang bermaruah, mandiri, berdaya maju serta dipandu dengan nilai-nilai perlu mula disemai dalam kalangan generasi muda.

Generasi muda bangsa Malaysia perlu memaknai kecintaan terhadap negara ini dengan tekad untuk mengangkat martabat Malaysia selaku pelakar utama peradaban manusia yang lebih baik pada masa akan datang.

Penulis adalah ketua biro penerangan ABIM

OP-ED #3

AGAMA SEBAGAI MEDIUM MEMUPUK INTEGRITI DAN PERPADUAN NASIONAL

Siddiq Fadzil

Mukadimah

Ada tiga kata kunci yang menjadi fokus perbincangan kertas ini: agama, integriti dan perpaduan (nasional). Tetapi yang akan diberi sorotan utama adalah agama, dengan penekanan pada aspek nilai-nilainya, terutama nilai-nilai yang dapat difungsikan sebagai kekuatan pendukung usaha pengukuhan integriti dan perpaduan nasional. Integriti seperti yang dihuraikan dalam kamus-kamus besar terkait erat dengan persoalan nilai, khususnya nilai akhlak atau moral seperti kejujuran, ketelusan dan ketulusan. Integriti dalam pengertian tersebut tentunya akan menjadi lebih kuat andainya ia mengakar pada nilai-nilai agama. Seterusnya agama juga harus berfungsi sebagai kekuatan pemersatu, bukan faktor pemecah. Malaysia boleh menjadi contoh negara pelbagai kaum, agama

dan budaya yang berjaya membina bangsa (Malaysia) yang bersatu dengan memanfaatkan kekuatan nilai-nilai pelbagai agama.

Agama dan Integriti

Dalam masyarakat yang sedang mengalami masalah *moral deficit*, tema integriti memang wajar diangkat menjadi wacana nasional. Malah lebih daripada itu, menyaksikan kenyataan mewabaknya pelbagai jenayah seperti rasuah, penipuan, penyalahgunaan kuasa dan segala bentuk *moral decadence* atau kebejatan moral lainnya, diperlukan suatu gerakan moral atau *moral movement* oleh rakyat pelbagai kaum dan agama. Integriti bukan suatu pilihan, tetapi suatu kemestian jika negara ini hendak diselamatkan. Partisipasi massa rakyat dalam perjuangan integriti akan menjadi lebih berkesan.

Masyarakat madani dan rakyat keseluruhannya akan lebih merasa terpenggil jika perjuangan menegakkan integriti dipersepsikan sebagai perjuangan keagamaan. Dalam konteks agama Islam, membina akhlak mulia adalah *maqasid al-bi`thah* (objektif pengutusan Rasul) dan sekali gus dapat pula dianggap komponen *maqasid al-shari`ah* (objektif tertinggi syari`at). Demikian yang dapat disimpulkan dari sabda nabawi bahawa Junjungan s.`a.w. diutus adalah untuk menyempurnakan akhlak mulia. Kerana itu semua hukum ibadat, munakahat dan jinayat mempunyai asas pijakan akhlak/moral. Masalahnya, pendidikan Islam ketika ini terlalu berorientasi hukum, dengan mengabaikan dimensi moralnya.

Antara nilai akhlak yang sangat dipentingkan dalam Islam ialah nilai malu. Nabi s.`a.w. bersabda bahawa setiap agama mempunyai akhlak sendiri-sendiri, dan akhlak Islam adalah malu (*al-haya'*). Justeru, sifat tahu malu itulah yang mengawal seseorang daripada melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Itulah yang dimaksudkan apabila Nabi s.`a.w. bersabda, "Jika kamu tidak malu, buatlah apa yang kamu mahu!". Sifat tahu malu (*sense of shame*) itulah juga yang menjadikan seseorang itu manusia yang bermaruah (mempunyai *dignity*). Mungkin ini antara yang harus kita usahakan bersama, iaitu membina bangsa yang bermaruah dengan menghidupkan *sense of shame* atau sifat tahu malu dalam kalangan rakyat. Apabila setiap orang berasa malu menjadi koruptor, malu menjadi penipu, malu diperbodoh dan seterusnya, akan banyak masalah dapat diselesaikan. Tidak akan ada lagi organisasi atau institusi yang korup apabila orang malu menganggotainya.

Suatu ketika orang Melayu memiliki kesedaran yang tinggi tentang sifat malu seperti yang mereka ekspresikan dalam ungkapan tradisional, "sehina semalu". Ungkapan tersebut mengisyaratkan makna bahawa malu tidak hanya menjadi sifat individu, tetapi telah menjadi sifat kolektif suatu bangsa. "Sehina semalu" bererti sama-sama hina dan sama-sama malu. Apabila negara ini disebut negara yang korup, atau disebut mengamalkan *kleptocracy at its worst*, yang seharusnya malu bukan hanya orang tertentu, tetapi semua rakyat dari segala kaum dan agama. Semua mereka berkongsi rasa "sehina semalu".

Ternyata membina integriti tidak terlepas dari agenda besar membina watak atau karakter bangsa. Untuk itu pendidikan dan pembudayaan nilai-nilai murni, khususnya nilai-nilai agama merupakan suatu keperluan. Dalam konteks umat Islam, sumber nilai utamanya ialah Sifat-Sifat dan Nama-Nama Indah Allah s.w.t. (*al-Asma' al-Husna*). Manusia Muslim memang dituntut untuk menghayati Nama-Nama Allah *al-Rahman, al-Rahim, al-Qadir, al-Qawiy, al-Matin, al-Haqq, al-Salam, al-Mu'min, al-Hafiz, al-Hakim, al-'Alim, al-Halim* dan seterusnya, sejauh yang terdaya oleh kudrat keinsanannya. Penghayatan Sifat-Sifat dan Nama-Nama Allah itulah yang dinamakan berakhlak dengan akhlak Allah (*al-takhalluq bi akhladi 'Llah*).

Ajaran berakhlak dengan akhlak Tuhan tidak hanya wujud dalam Islam. Ada juga agama-agama lain yang membawa ajaran yang sama. Rabbi Levi Brackman dan Sam Jaffe dalam buku mereka *Jewish Wisdom for Business Success: Lessons from the Torah and Other Ancient Texts* menyebut isu ini dalam bab 9 (*The Way of the Wise: Finding the Right Balance of Character Traits to Succeed in Business*). Di bawah tajuk kecil, *Learning How to Balance by Emulating God*, mereka mengatakan, "...that humans are commanded to emulate God to the best of their abilities. This means that we are obliged to imitate the good deeds and lofty attributes by which God is metaphorically described. We must learn from the beautiful, merciful, and kind ways of God, and we are commanded to imitate them. Inherent in this commandment is useful wisdom for business and management." (hlm. 193 – 195). Karakter yang terbentuk hasil penghayatan akhlak Tuhan seperti yang diisyaratkan dalam petikan di atas memiliki dua ciri utama, iaitu keseimbangan (*balance*) dan hikmah kebijaksanaan (*wisdom*). Dengan karakter yang dibangun di atas nilai-nilai akhlak ketuhanan yang seimbang dan bijaksana kita akan dapat membina integriti dan sekali gus perpaduan nasional.

Agama dan Perpaduan Bangsa

Telah berdekad-dekad lamanya kita berbicara tentang perpaduan nasional, persefahaman antara kaum, keharmonian antara agama dan lain-lain yang semakna. Bilakah akan tiba masanya kita berbicara tentang bangsa Malaysia? Hingga ke saat ini ramai yang masih meragukan adanya bangsa Malaysia. Yang ada hanya warganegara Malaysia. Malah ada yang menyebut Malaysia sebagai *a state without nation* atau *a state with several competing nations*. Kegagalan membina satu bangsa Malaysia setelah lebih enam puluh tahun merdeka adalah suatu aib nasional yang harus segera ditangani.

Sempena era Malaysia baharu, kita harus buktikan bahawa agama bukan penghalang, tetapi sebaliknya pendorong kepada pembentukan bangsa Malaysia yang bersatu. Dengan kata lain, agama bukan pemecah, tetapi sebaliknya sebagai kekuatan pemersatu. Telah sekian lama tamadun-tamadun besar dunia (Islam, Barat dan Timur) bertemu di sini, berinteraksi dan berdialog sehingga kita boleh berbangga bahawa daerah ini adalah yang paling kaya dengan pengalaman dialog ketamadunan. Dialog ini seharusnya diteruskan ke

tahap pelaksanaan eksperimen besar *social engineering* membina bangsa Malaysia berasaskan formula **kepelbagaian dalam bingkai kesatuan**.

Kepelbagaian harus diterima seadanya sebagai ciptaan, kurnia dan takdir Tuhan yang mengandungi hikmah tersendiri. Kerana itu ia harus disikapi secara positif dan ditangani dengan optimistik. Menurut perspektif Islam kepelbagaian (bangsa dan agama) wujud dengan kehendak Tuhan yang bertujuan untuk membina kesalingan, bermula dengan saling mengenal (*lita`arafu*) dan seterusnya saling menghormati, saling bertukar manfaat, saling memperkaya dan saling bekerjasama. Kepelbagaian yang dipersepsi dengan benar dan diurus dengan matang dan bijaksana akan menghasilkan kesatuan yang kompak dan membuahkkan tamadun yang kaya. Justeru, sebuah pasukan yang baik adalah pasukan yang terdiri daripada anggota yang beragama dan pelbagai keahlian. Ini bererti kepelbagaian adalah kekuatan.

Islam adalah agama rahmat dan kemanusiaan sejagat. Itulah yang dimaksudkan dengan *rahmatan li al-`alamin*. Apabila al-Qur'an menyebut umat Islam sebagai umat terunggul (*khayra ummah*), mereka diberikan beberapa ciri, termasuk sumbangan khidmat manfaat kepada kemanusiaan sejagat (*ukhrijat li al-nas*) - Muslim dan bukan Muslim; di samping komitmen menegakkan nilai-nilai murni kemakrufan dan melawan nilai-nilai buruk kemungkaran. Sebenarnya perintah bekerjasama atau tolong-menolong demi kebaikan dan ketaqwaan (*wata`awanu `ala al-birr wa al-taqwa*) dalam al-Qur'an tidak hanya sesama umat Islam. Konteks ayat tersebut jelas mengisyaratkan kerjasama dan tolong-menolong dengan orang bukan Islam.

Prinsip dasar Islam dalam menyikapi kepelbagaian adalah *salam* (damai). Kata *salam* begitu banyak digunakan dalam pelbagai konteks. *Salam* adalah Nama Tuhan, *salam* adalah nama syurga, *salam* adalah ucapan hormat orang Islam, dan *salam* adalah kata penutup sembahyang. Kata *salam* diungkapkan dalam bahasa Melayu dengan kata selamat sebagai penyesuaian dari kata *salamah*. Bahasa Melayu adalah bahasa yang paling banyak menggunakan kata selamat, terutama sebagai kata alu-aluan, doa dan kesyukuran: doa selamat, telah selamat sampai, selamat datang, selamat jalan, selamat hari raya, selamat pengantin baharu, selamat bertugas dan sebagainya lagi. Banyaknya kata selamat yang dipakai dalam pelbagai konteks mengisyaratkan kekentalan semangat damai dalam jiwa dan budaya Melayu. Semangat damai yang sedemikian telah banyak membantu pembinaan budaya hidup berdampingan dengan kaum dan penganut pelbagai agama dengan damai dan harmonis (*peaceful coexistence*).

Semangat damai diperkuat pula dengan semangat persaudaraan yang tidak hanya terbatas dalam kalangan sesama Islam, tetapi meliputi persaudaraan setanahair dan persaudaraan warga kemanusiaan. Persaudaraan sesama umat Islam memang ada, dan itulah yang dinamakan *ukhuwwah diniyyah* (persaudaraan keagamaan). Tetapi lingkaran persaudaraan boleh meluas meliputi sesama warga negara yang dinamakan *ukhuwwah wataniyyah* (persaudaraan setanahair). Seterusnya lingkaran tersebut meluas lagi

meliputi seluruh warga kemanusiaan yang dinamakan *ukhuwwah insaniyyah/bashariyyah* (persaudaraan sewarga kemanusiaan).

Yang meluas meliputi seluruh warga kemanusiaan tidak hanya lingkaran persaudaraan (*ukhuwwah*), tetapi juga lingkaran *ummah* yang secara literal merujuk makna kumpulan yang berkongsi ciri-ciri persamaan tertentu. Kata *ummah* selalu dipakai dalam pengertian keagamaan seperti *ummah Islamiyyah* (umat Islam). *Ummah* dalam pengertian tersebut dinamakan *ummah diniyyah* (umat keagamaan). Tetapi kata *ummah* boleh juga dipakai dalam pengertian politik yang meliputi seluruh warganegara tanpa mengira kaum dan agama. *Ummah* dalam pengertian sedemikian itulah yang dinamakan *ummah siyasiyyah* (umat politik) sebagaimana yang dipakai dalam Piagam Madinah. Piagam tersebut memakai kata *ummah* dalam kedua-dua pengertian di atas dengan menyebut kaum Muslimin adalah satu *ummah*, dan kaum Yahudi juga satu *ummah*. Kata *ummah* dalam konteks ini bererti *ummah diniyyah* (umat keagamaan) dengan implikasi bahawa kedua-dua kaum Muslimin dan Yahudi kekal dengan agama dan jati diri masing-masing. Tetapi kedua-duanya bergabung membentuk satu *ummah* dalam pengertian *ummah siyasiyyah* (umat politik) dalam satu negara, Madinah.

Konsep *ummah siyasiyyah* dalam Piagam Madinah tersebut dapat dijadikan acuan pembentukan bangsa di Malaysia. Kepelbagaian (kaum, agama dan budaya) boleh terus kekal dengan jati diri masing-masing, tetapi mereka semuanya terpadu dalam ikatan kemalaysiaan (Rukun Negara, Bahasa Kebangsaan, Kebudayaan Kebangsaan, Lagu Kebangsaan, sistem demokrasi berparlimen, Raja berperlembagaan, dasar ekonomi kerakyatan-kemanusiaan dan kesepakatan-kesepakatan nasional lainnya lagi). Pembinaan bangsa dengan formula sedemikian itulah yang kita namakan "kepelbagaian dalam bingkai kesatuan". Leluhur rantau ini memiliki hikmah kebijaksanaan atau *wisdom* tersendiri ketika mengungkapkan aspirasi pembinaan satu bangsa yang berlatar kepelbagaian dengan slogan *Bineka Tunggal Eka* (pelbagai tetapi tetap bersatu).

Khatimah

Agama memang berbeza-beza, dan tidak perlu memaksa-maksa untuk menyamakan perbezaan. Yang perlu ialah memanfaatkan kekuatan nilai-nilai agama masing-masing secara maksimum untuk mendukung penegakan integriti dan pembinaan bangsa. Untuk itu Malaysia memerlukan peningkatan tahap *religiosity* rakyat. Rukun Negara yang pertama, Kepercayaan Kepada Tuhan, harus ditafsirkan sebagai pembinaan bangsa Malaysia yang religius, tetapi terkawal dalam orientasi yang moderat, sihat dan selamat daripada sebarang gejala ekstremisme keagamaan.

Yang pertama harus baharu dalam Malaysia baharu ialah manusianya. Tidak akan ada pembaharuan atau reformasi yang bererti, tanpa pembaharuan manusia Malaysia. Kerana itu memang sudah sewajarnya diutamakan agenda membina karakter manusia Malaysia baharu dengan nilai-nilai keagamaan.

Mengisi dan memaknai era baharu bukan hanya dengan mengganti orang lama dengan orang baharu, tetapi dengan membina jiwa dan minda baharu, *inventing a new soul*.

Penulis adalah mantan Presiden ABIM yang baharu menghembuskan nafas terakhirnya pada 31 Ogos 2021 yang lalu. Tulisan ini merupakan sebahagian daripada buah fikir beliau yang tersimpan dalam arkib ABIM.

OP-ED #4

BEBERAPA KENDALA DALAM PROSES PEMBINAAN BANGSA: ISLAM DAN MASYARAKAT MAJMUK

Siddiq Fadzil

Mukadimah

Pada tahun 1991 Perdana Menteri Malaysia mengungkapkan wawasannya tentang hala tuju negara yang dikenali sebagai wawasan 2020. Mendahului senarai sembilan cabaran dalam wawasan tersebut ialah pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu. Diskripsi rinci bangsa Malaysia tersebut menggambarkan sebagai bangsa yang sejahtera, terintegrasi dari segi wilayah dan kelompok etniknya, berkongsi masa depan, menikmati kehidupan bersama berasaskan prinsip keadilan dan persamaan hak, taat dan setia seutuhnya kepada negara bangsa Malaysia. Dilihat dari perspektif agama, gagasan bangsa Malaysia sedemikian mungkin dapat diserasikan dengan konsep *ummah siyasiyyah* seperti yang terungkap dalam *Sahifah Madinah*. Perlembagaan bertulis pertama di dunia itu menyatakan bahawa seluruh warga dari pelbagai agama dan etnik adalah satu umat tersendiri yang berbeza daripada yang lain-lain (*ummatun wahidatun min duni al-nas*). Seluruh warga - Muslim dan bukan Muslim - menikmati hak yang sama dan memikul tanggungjawab yang sama.

Kenyataan tersebut menghadapkan kita kepada persoalan sejauh mana Islam telah difungsikan bagi merealisasikan gagasan ummatik atau aspirasi nasional pembinaan bangsa Malaysia? Yang jelas, terdapat beberapa kendala dalam proses tersebut yang bermuara pada kegagalan memahami isu Islam dan kemajmukan masyarakat. Akibatnya, umat Islam tidak berperanan sebagaimana mestinya dalam menjayakan proses pembentukan *ummah siyasiyyah* yang dijemakan dalam rupa gagasan bangsa Malaysia itu.

Prinsip Karamah Insaniyyah

Manusia sebagai manusia, tanpa mengira bangsa dan agamanya adalah makhluk mulia. Kemuliaan yang inklusif tersebut adalah kurnia langsung dari Allah sendiri (*al-takrim al-Ilahiy*). Kerana itu semuanya - yang Islam dan yang bukan Islam - harus dimuliakan atas dasar kemanusiaan mereka. Menghina manusia atau mendiskriminasi manusia kerana bangsa dan agamanya adalah suatu kesalahan berat berasaskan prinsip *karamah insaniyyah*. Apa hak kita menghina manusia sedang Allah sendiri memuliakannya?. Umat Melayu-Islam seharusnya mempamerkan akhlak mulia dengan menghormati orang lain yang berbeza etnik, agama dan budaya. Untuk itu mereka juga seharusnya berjiwa besar menyemak dan menghapuskan kata dan istilah Melayu yang bernuansa penghinaan terhadap kaum lain.

Kepelbagaian Sebagai Ayati 'Llah

Kepelbagaian adalah ciptaan Tuhan yang mengandungi hikmah dan erti tersendiri. Ayat 22 surah *al-Rum* menyebut kepelbagaian bangsa dan bahasa sebagai bahagian daripada ayat atau tanda kebesaran Allah. Kata *ayat* dalam al-Qur'an biasanya diikuti dengan kata yang membawa makna bahawa ia dapat difahami oleh mereka yang berakal dan berfikir seperti kata *ya`qilun, yatafakkarun* dan yang sepertinya. Ini bererti bahawa sesuatu yang disebut *ayat* mungkin tidak diperlihatkan secara terbuka dan eksplisit. Untuk memahaminya diperlukan perenungan dan refleksi yang mendalam. Dalam isu kepelbagaian bangsa dan bahasa (ayat 22 surah *al-Rum*), kata *ayat* diikuti kata *li al-`alimin*, iaitu tanda yang hanya dapat difahami oleh mereka yang berilmu.

Hakikatnya, kepelbagaian adalah *ayati 'Llah* (tanda kebesaran Allah) dan sekali gus *sunnah*-Nya dalam penciptaan makhluk yang indah dan penuh hikmah. Kerana itu kepelbagaian seharusnya diapresiasi, diraikan dan dirayakan. Kepelbagaian bukan suatu petaka atau kesialan yang harus disesali. Seperti yang disebut oleh al-Shaykh Abdullah bin Bayyah, orang Islam harus bersikap menghormati dan menyenangi kepelbagaian (*ihthiram al-ikhtilaf wa hubb al-ikhtilaf*) kerana sesungguhnya kepelbagaian bererti rahmat kekuatan, kekayaan dan keindahan. Demikianlah andainya kepelbagaian disikapi secara positif dan diurus dengan bijaksana.

Nass lain yang selalu menjadi rujukan dalam isu kepelbagaian ialah ayat 13 surah *al-Hujurat* yang menyebut bahawa manusia memang diciptakan berbangsa-bangsa dan bersuku-suku dengan tujuan untuk saling mengenal (*...lita`arafu*). Tujuan "untuk saling mengenal" inilah yang tampaknya tidak direalisasikan sepenuhnya. Secara umum dapat dikatakan tidak ada usaha yang serius mengenal orang lain dalam erti mempelajari agamanya, budayanya, sejarahnya, perwatakannya dan seterusnya. Demikian juga di pihak lain; mereka tidak berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mengenal kita. Akibatnya kesalingan pada tahap *ta`aruf* belum berlaku. Seharusnya proses *ta`aruf* sudah berlaku seawal umur persekolahan. Tetapi sistem persekolahan kita, termasuk persekolahan Islam - kurikulum dan kokurikulumnya - seolah-olah mengabaikan kehadiran orang lain.

Andainya *ta`aruf* telah terlaksana dengan sempurna, ia akan berkelanjutan dengan kesalingan-kesalingan seterusnya: saling menghormati, saling mempelajari, saling bekerjasama, saling memperkasa dan saling memperkaya. Justeru, interaksi Muslim-bukan Muslim, tentunya tidak hanya sebatas saling kenal, tetapi *ta`aruf* adalah pembuka jalan menuju pelbagai kesalingan yang produktif dan bermanfaat untuk semua.

Prinsip Keadilan

Ayat 25 surah *al-Hadid* menegaskan bahawa tujuan utama pengutusan para rasul ialah agar manusia menegakkan prinsip keadilan. Memang keadilan adalah prinsip yang wajib ditegakkan dalam semua urusan, termasuk hubungan intra kaum dan antara kaum. Penentuan hak dan tanggungjawab tidak didasarkan kepada pertimbangan majoriti atau minoriti, tetapi didasarkan kepada prinsip keadilan. Demi prinsip keadilan majoriti tidak boleh membolot dan mendominasi, sementara minoriti tidak boleh didiskriminasi dan dipinggirkan.

Umat Islam tidak boleh hanya memikirkan kepentingan diri sendiri tanpa pertimbangan adil atau tidak. Sebagai contoh, terdapat orang Islam yang menyokong *gerrymandering* dan *malapportionment* dalam penyespadaan kawasan pilihan raya atas pertimbangan ia menguntungkan Melayu, walhal ia adalah suatu kecurangan yang nyata. Dalam isu seperti itu pendirian tidak seharusnya berasaskan pertimbangan siapa untung siapa rugi, tetapi berasaskan prinsip keadilan. Kita mungkin tidak suka kepada seseorang atau sesuatu kaum, tetapi tidak suka, benci atau marah tidak boleh dijadikan justifikasi untuk tidak berlaku adil. Demikian peringatan Tuhan dalam al-Qur'an.

Misi Rahmat Sejagat

Islam adalah agama pembawa rahmat sejagat (*rahmatan li al-`alamin*). Seluruh warga Alam - manusia (dari segala bangsa dan agama), haiwan, tetumbuhan dan lain-lain - layak dan berhak menikmati curahan rahmat belas kasih Tuhan yang terkandung dalam agama-Nya. Kerana itu rahmat Tuhan tidak seharusnya dibatasi hanya untuk bangsa atau kelompok sendiri. Mempersempit rahmat Tuhan dengan menghalang-halangnya daripada menjangkau pihak lain adalah bertentangan dengan sifat keluasan rahmat Tuhan yang meliputi semua (...*wasi`at kulla shay'*).

Umat Islam adalah pengemban misi menyebarkan kebaikan, masalah, khidmat dan manfaat kepada kemanusiaan sejagat. Kesejagatan tersebut diekspresikan lewat kata *al-nas* seperti *bayna al-nas* dan *li al-nas* yang jelas merujuk makna kemanusiaan inklusif merentasi sempadan bangsa, agama dan budaya. Ayat 110 surah *Ali `Imran* menyebut umat terunggul (*khayra ummah*) yang ditampilkan kepada kemanusiaan sejagat (*ukhrijat li al-nas*). Tafsiran ungkapan tersebut ialah bahawa mereka ditampilkan untuk berbakti dalam erti menyebarkan khidmat

manfaat dan masalah kepada warga kemanusiaan seluruhnya. Bertolak dari tafsiran tersebut maka menjadi suatu kesalahan bagi umat Islam membolot dan membatasi semua habuan dan kebaikan hanya untuk diri mereka sendiri. Apa pun habuan kebaikan yang mereka perolehi seharusnya dikongsi dengan orang lain, atau dilimpahkan sebahagiannya kepada orang lain sebagai amal kebajikan.

Demikian semangat kemanusiaan inklusif ajaran Islam yang jelas menolak semangat dan tindakan *racist* atau perkauman sempit. Kegagalan memahami dan menghayati misi kemanusiaan inklusif adalah suatu pencederaan terhadap hakikat Islam sebagai aktualisasi kasih-sayang Tuhan kepada warga alam keseluruhannya.

Konsep Kewarganegaraan (*al-Muwatanah*)

Dalam pemikiran Islam kontemporari konsep kewarganegaraan atau *al-muwatah* banyak dibicarakan sebagai dasar kerakyatan yang realistik dan praktikal bagi negara-negara umat Islam masa kini. Memang realitinya kita tidak lagi berada dalam empayar Islam, tetapi dalam negara nasional moden (*dawlah wataniyyah*). Perubahan realiti politik semasa memerlukan penyesuaian dasar kerakyatan. Kewarganegaraan bererti bahawa rakyat yang disebut warganegara (*al-muwatinun*) mendapat hak kewarganegaraan penuh (*al-muwatanah al-kamilah*) dengan hak dan tanggungjawab yang sama, tanpa diskriminasi atau peminggiran mana-mana golongan.

Deklarasi al-Azhar Mengenai Kewarganegaraan dan Hidup Bersama (*I`lan al-Azhar li al-Muwatanah wa al-`Aysh al-Mushtarak*) 2017 menyebut bahawa istilah *al-muwatanah* (kewarganegaraan) adalah istilah Islam asli yang terpancar dari Perlembagaan Madinah dan dokumen-dokuman perjanjian antara Nabi s.`a.w. dengan pihak-pihak lain. Berasaskan hakikat tersebut, Deklarasi al-Azhar menegaskan bahawa *al-muwatanah* bukan penyelesaian import, sebaliknya ia menghadirkan kembali praktik sistem pemerintahan Islam yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.`a.w. di negara yang diasaskannya iaitu negara Madinah. Praktik pemerintahan nabawi tersebut tidak mengandungi apa jua bentuk diskriminasi atau peminggiran mana-mana pihak. Yang berlaku ketika itu adalah politik berasaskan kepelbagaian agama dan kaum dalam bingkai persamaan dan kesatuan kewarganegaraan penuh.

Penerimaan terhadap konsep kewarganegaraan, persamaan dan hak-hak kemanusiaan secara konsekuensial bererti penolakan terhadap segala bentuk perlakuan yang bertentangan dengan prinsip kewarganegaraan, termasuk perlakuan *double standard*, diskriminasi perkauman dan keagamaan, peminggiran, penindasan, pengusiran dan seumpamanya yang ditolak oleh Islam dan agama-agama lainnya. Demikianlah, kegagalan memahami dan menghayati prinsip dan nilai kewarganegaraan sedemikian bererti kegagalan meneladani politik nabawi sebagaimana yang terakam dalam Perlembagaan Madinah.

Konsep al-Ra`iyyah

Warga yang kini disebut *muwatinun*, dalam khazanah turath fiqh, khususnya fiqh politik dahulu disebut *ra`iyyah* yang diadaptasi menjadi rakyat dalam bahasa Melayu. Pemakaian istilah *al-ra`iyyah* dalam kalangan fuqaha' silam membawa makna yang inklusif meliputi yang Muslim dan bukan Muslim. Sifat inklusif inilah yang menjadi ciri istimewa *al-siyasah al-shar`iyyah*. Ini bererti bahawa semangat *al-siyasah al-shar`iyyah* ialah untuk memelihara masalah kemanusiaan seluruhnya, tanpa mendiskriminasikan sesiapa berasaskan kaum atau agama. Pentakrifan sedemikian selaras dengan ciri kesejagatan risalah Islam dan misi pemerataan rahmat kepada seluruh warga alam. Pola fikir diskriminatif dalam konteks masyarakat pelbagai kaum dan agama ternyata tidak selaras dengan konsep *al-ra`iyyah* dan semangat *al-siyasah al-shar`iyyah* yang inklusif.

Khatimah

Memang banyak koreksi yang harus dilakukan terhadap pemikiran umat Islam terutama yang berkaitan dengan isu masyarakat majmuk. Demikian juga di pihak masyarakat bukan Islam. Mereka juga perlu melakukan koreksi yang sama. Melakukan tindakan korektif dalam masyarakat Islam harus dengan pendekatan berhikmah dan *tabassur* atau dalam ungkapan Qur'ani `ala *basirah* iaitu berasaskan maklumat, data dan fakta yang secukupnya. Selain itu ia juga harus dilakukan mengikut *istita`ah* atau *qudrah* iaitu keupayaan melakukannya. Dalam kaitan ini kefahaman tentang *fiqh al-taghyir* (fiqh perubahan) sangat diperlukan.

Penulis adalah mantan Presiden ABIM yang baharu menghembuskan nafas terakhirnya pada 31 Ogos 2021 yang lalu. Tulisan ini merupakan sebahagian daripada buah fikir beliau yang tersimpan dalam arkib ABIM.

(B) ANTI-CORRUPTION DIGITAL CAMPAIGN MATERIALS (POSTER)



(C) BANGSA MALAYSIA AGENDA DIGITAL CAMPAIGN MATERIALS (POSTER)



(C) DRAFT #3 BANGSA MALAYSIA REVIEW

*Please refer to another pdf format document
entitled "Bangsa Malaysia Review #3"*